

Program BPC tingkat kemahiran penjana idea perniagaan



Antara peserta yang terlibat dalam program Business Plan Challenge (BPC).

KULIM - Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) menganjurkan program *Business Plan Challenge* (BPC) bermula Februari 2015 sehingga Jun 2015.

Menurut Penasihat Program, Mumawir Ridzwan, pertandingan itu terbahagi kepada dua kategori iaitu Business Development dan Business Idea.

Katanya, sebanyak 190 peserta terlibat dalam menjayakan program tersebut.

"Sepanjang program ini sebanyak 38 idea perniagaan beserta perangkaan syarikat berjaya dihasilkan oleh mahasiswa mahasiswi UniKL MSI.

"Objektif program ini bagi memenuhi visi dan misi UniKL. Selain itu sebagai latihan kepada peserta dalam menyediakan kertas kerja

yang bermutu tinggi dan menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan.

"Johan bagi kategori Business Development jatuh kepada kumpulan I Tech, naib johan ialah Tronix Soul, tiga hadiah sagu hati dimenangi oleh Smart Sav, Nahar & Co dan S - Ray Cop," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, manakala bagi kategori Business Idea, johan jatuh kepada kumpulan Carreras Sdn Bhd, naib johan Sing Kong Sdn Bhd dan tiga sagu hati iaitu Los C Tech, CIT Group dan SRK Automotive.

"Kertas kerja yang dihasilkan oleh pemenang-pemenang akan akan disimpan oleh Unit Teknoputra UniKL MSI bagi kegunaan program-program yang bertatarkan keusahawanan," katanya.